

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

SOALAN :

YB Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bilangan kakitangan Kerajaan sekarang di bawah skim Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) masing-masing.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan perangkaan dari *Human Resource Management Information System (HRMIS)*, seramai 910,722 (95.8%) orang penjawat awam memilih Skim Pencen manakala 40,754 (4.2%) orang memilih Skim KWSP. Jumlah ini tidak meliputi Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang tidak mengguna pakai aplikasi HRMIS.

Sekian. Terima kasih.